

Bab 3

Perubahan Corak Dasar British

Apa yang akan ditinjau dalam bab ini adalah untuk mengkaji perkembangan perdagangan candu di Tanah Melayu mulai tahun-tahun terakhir abad ke-19, khususnya di Selangor iaitu bagaimana perdagangan candu mula hilang kepentingannya berbanding dengan dekad-dekad yang sebelumnya. Antara isu yang terpenting yang akan dibincangkan adalah kemerosotan kepopularan perdagangan candu dan penghapusan berbagai-bagai sistem yang sekian lama menjadi mekanisme yang menggerakkan perdagangan candu.

Penghapusan Sistem Pajak HasilCandu

Era ini telah menyaksikan kepada satu perubahan yang besar dalam corak pentadbiran yang diambil oleh British di Tanah Melayu iaitu dari segi kecenderungan mereka terhadap dasar ekonomi yang dijalankan. Dalam dekad-dekad awal campurtangan mereka iaitu pada tahun-tahun 1870-an, mereka memberi tumpuan yang lebih kepada kelicinan struktur ekonomi yang sedia wujud. Sebagai contoh, dalam industri melombong bijih timah pada tempoh tersebut, mereka masih

meneruskan bentuk yang sedia wujud iaitu menyerahkannya kepada pengusaha-pengusaha Cina untuk menjalankannya mengikut cara mereka sendiri. Pada masa yang sama, mereka turut memberi galakan dan insentif kepada pengusaha-pengusaha Cina agar mereka boleh terus menjalankan operasi melombong bijih timah asalkan terdapat bekalan bijih timah yang mencukupi bagi tujuan untuk mengeksport.

Dalam tempoh sebelum tahun-tahun 1890-an, dapat dilihat bahawa pihak British misalnya amat menggalakkan sistem pajakan hasil dalam banyak jenis perniagaan termasuk candu kerana sistem ini dilihat sebagai dapat membantu melicinkan pentadbiran birokrasi British dengan kos yang paling rendah di samping pemerolehan sebahagian duti yang besar untuk hasil kerajaan. Pemegang lesen pajakan hasil candu ataupun pemajak hasil candu yang biasanya juga merupakan pemilik lombong bijih timah akan bertungkus-lumus berusaha untuk meningkatkan penjualan candu dengan merekrut lebih ramai buruh Cina ke dalam kawasan mereka sebagai pengguna candu; di pihak pentadbir British pula, mereka kian berpuas hati dengan hasil pendapatan yang diperolehinya menerusi sistem ini.

Namun begitu, di akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20, keadaan ini telah berubah coraknya sama sekali. Di negeri-negeri pengeluar bijih timah di Tanah Melayu, perubahan yang paling ketara yang dapat dirasakan adalah kemerosotan dalam pengeluaran. Antara sebab yang dinyatakan oleh Wong Lin Ken adalah kehabisan

bekalan bijih timah di permukaan tanah yang telah menjadikan aktiviti melombong menjadi semakin sukar dengan teknik yang ada.¹ Keadaan ini seterusnya telah memberi peluang kepada penglibatan pihak-pihak yang mempunyai teknik perlombongan bijih timah yang lebih sesuai dengan keadaan tersebut. Ini secara tidak langsung telah membuka jalan kepada kapitalis-kapitalis Barat yang mempunyai kaedah dan peralatan melombong yang lebih canggih untuk menceburi bidang ini yang dipermudahkan lagi dengan adanya bantuan daripada kerajaan.

Kemasukan awal pengusaha-pengusaha Eropah ini dibantu oleh faktor-faktor yang lebih menyebelahi mereka dalam persaingan dengan pengusaha-pengusaha lain dan bantuan kerajaan dalam bentuk penggubalan undang-undang yang lebih memihak kepada mereka.² Ini boleh dilihat menerusi pelbagai langkah yang telah diambil oleh kerajaan seperti pembaharuan dalam undang-undang tanah, kemasukan bebas buruh dan sebagainya. Di sini perhatian adalah diberi kepada undang-undang yang berkait dengan perjalanan perdagangan candu baik secara langsung ataupun tidak.

Salah satu langkah yang terpenting yang akan dibincangkan adalah penghapusan sistem pajakan hasil candu pada tahun 1910 yang digantikan dengan

¹ Wong Lin Ken, *The Malayan Tin Industry to 1914*, Tucson, The University of Arizona Press, 1965, hlm. 220.

² *Ibid.*

satu sistem monopoli kerajaan. Banyak sebab yang telah diberi oleh sejarawan kepada tindakan menghapuskannya di negeri-negeri Melayu, tetapi kesan yang lebih mendalam dirasakan oleh negeri-negeri pengeluar bijih timah iaitu Selangor dan Perak yang selama ini bergantung kepada sistem ini untuk menggerakkan industri melombong bijih timah.

Wong Lin Ken tidak melihat kepada tindakan kerajaan untuk menghapuskan sistem ini mulai tahun 1910 sebagai satu langkah yang berada di luar dugaan kerana isu untuk menghapuskan penggunaan candu dan pelaksanaan sistem pajakan hasil candu di tanah-tanah jajahan British telah mendapat perhatian Parlimen British sejak seawal sekurang-kurangnya tahun 1891 lagi. Dalam satu persidangan di Parlimen pada 10 April 1891, kerajaan British di London telah mengambil keputusan untuk mengarahkan agar pentadbir-pentadbirnya di tanah jajahan berusaha menyekat perdagangan candu dan mempertimbangkan untuk menggantikan peranan yang dimainkan oleh sistem pajakan hasil candu dalam menjanakan hasil kerajaan.³

Isu untuk menyekat perdagangan candu ini seterusnya membawa kepada perantukan *The Society for the Suppression of the Opium Trade* oleh Parlimen British pada tahun 1893 sebagai badan yang bertanggungjawab untuk mengkaji perdagangan candu dan sistem pajakan hasil candu. Menurut Trocki, walaupun pihak pro-candu

³ *Ibid.*, hlm. 191.

berjaya dalam menghalang penghapusan sistem ini tetapi kejayaan mereka ini bersifat sementara sahaja. Ini kerana keputusan untuk menguatkuasakan undang-undang untuk menyekat perdagangan komoditi ini dan sistem pajakan hasil candu sebenarnya lebih kepada persoalan masa iaitu ia akan dijalankan sebaik sahaja tibanya waktu yang sesuai khususnya dengan adanya desakan berterusan daripada pihak yang anti-candu.⁴

Di Negeri-negeri Melayu Bersekutu, keputusan Parlimen 1891 itu mendapat tentangan yang hebat daripada golongan pentadbir yang berpendirian bahawa perkembangan ekonomi kawasan tersebut masih bergantung kepada faktor candu dan mereka telah memberikan banyak alasan kepada rasionalnya untuk meneruskan membenarkan penggunaan candu dan pengamalan sistem pajakan hasil candu seperti sebelumnya. Pertamanya, mengenai faktor penggunaan candu, mereka menyatakan bahawa penggunaan candu merupakan satu-satunya cara yang boleh digunakan untuk mencukai masyarakat Cina di negeri-negeri Melayu dan sekatan terhadap penggunaan candu hanya akan mengakibatkan penggunaan dadah lain yang lebih merbahaya seperti *morfia* untuk menggantikan candu.

⁴ C.A. Trocki, *Opium and Empire: Chinese Society in Colonial Singapore, 1800-1910*, Ithaca, Cornell University Press, 1990, hlm. 184.

Sistem pajakan hasil candu dilihat oleh mereka sebagai satu penyumbang penting dalam ekonomi kerajaan kerana sistem tersebut boleh membantu melicinkan proses pengutipan duti, mengimport dan penjualan candu tanpa memerlukan perlantikan pegawai-pegawai atau badan khas untuk menguruskannya. Di samping itu, keuntungan yang boleh diperolehinya juga akan mendorong pemajak hasil candu untuk meningkatkan penggunaan candu dengan berbagai-bagai cara seperti menggalakkan kemasukan lebih ramai buruh dari China serta berusaha untuk membasmi atau mengurangkan kegiatan penyeludupan candu yang sering berlaku.⁵

Akhirnya, mungkin bagi pihak pentadbir British di Negeri-negeri Melayu Bersekutu, sistem pajakan hasil candu amat relevan penggunaannya dalam bentuk organisasi masyarakat Cina baik menerusi sistem *kongsi* atau kongsi gelap yang memberatkan kepada ikatan *brotherhood*. Sistem ini telah memperlihatkan efektifnya jika dibiarkan mereka sendiri menguruskannya agar kerjasama buruh-buruh Cina lebih mudah diperolehi. Usaha membawa masuk lebih ramai buruh dari China juga merupakan satu petanda baik kepada ekonomi kerana bilangan buruh yang ramai akan menjanakan sektor melombong bijih timah yang menggunakan teknik berintensif buruh. Ini adalah bersesuaian dengan kehendak pentadbir British yang mementingkan eksport bahan mentah tersebut.

⁵ Wong Lin Ken, *The Malayan Tin Industry*, hlm. 191.

Pada hakikatnya, golongan yang paling terjejas akibat penghapusan sistem ini adalah golongan pelombong Cina yang bergantung sepenuhnya kepada perdagangan candu menerusi sistem pajakan hasil candu demi *survival* industri melombong bijih timah. Perlombongan bijih timah yang berjalan dengan teknik yang berintensifkan buruh ini sebenarnya satu teknik yang amat mahal kerana terpaksa membayar upah kepada sebegitu ramai buruh. Ia juga boleh membawa kerugian jika mereka tidak mempunyai jalan alternatif untuk membantu menampung kos kerugian daripada operasi melombong. Namun dengan perlaksanaan sistem ini, mereka boleh mengatasi masalah kos kerugian menerusi penjualan candu untuk membolehkan mereka menampung kerugian yang ditanggung oleh industri ini untuk membolehkan aktiviti melombong ini terus berjalan. Penjualan *chandu* secara kredit bukan sahaja boleh mengikat buruh-buruh yang semakin bergantung kepada penggunaan candu, ia turut membantu mengembalikan sebahagian besar upah yang telah dibayar oleh mereka kepada buruh-buruh menerusi penjualan dengan harga yang lebih tinggi di kawasan lombong daripada harga pasaran.⁶ Dengan kata lain, sumbangan besar yang diberikan oleh sistem ini adalah dalam membolehkan sektor ini dimonopolikan oleh pengusaha-pengusaha Cina.

Trocki telah menerangkan faktor-faktor yang menyumbangkan kepada kemerosotan kepopularan dan penghapusan sistem pajakan hasil candu di Negeri-

⁶ *Ibid.*, hlm. 193.

negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Salah satunya adalah ketibaan sekumpulan baru pentadbir British yang pro-perluasan kuasa British serta yakin akan keagungan bangsa dan budaya Anglo-Saxon telah mengubah bentuk polisi kerajaan kawasan ini.⁷ Antara pentadbir-pentadbir yang disebutkan oleh Trocki adalah Sir Frederick Weld⁸ yang memegang jawatan Gabenor Negeri-negeri Selat mulai tahun 1880 dan gabenor-gabenor selepasnya sehinggalah pada zaman Sir F.A.Swettenham.⁹

Samada faktor ini sesuai dan kukuh untuk dilihat sebagai sebab utama kepada penghapusan sistem pajakan hasil candu, ia tetap merupakan satu faktor yang tidak boleh diketepikan dengan sewenang-wenangnya. Ini kerana usaha sama ada untuk mengekal atau menghapuskannya amat bergantung kepada pendirian pentadbir terutamanya Gabenor Negeri-negeri Selat dan Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Sekiranya mereka ini pro-sistem pajakan hasil candu, maka mereka akan sentiasa berusaha untuk mempertahankan sistem ini; sebaliknya jika mereka tidak senang dengan sistem ini, sudah tentu mereka akan mendesak Parlimen British untuk menghapuskannya.

⁷ Trocki, *Opium and Empire*, hlm. 233.

⁸ Sir Frederick Weld G.C.M.G. (1823-1891) telah dilantik mengadi Gabenor NNS dari tahun 1880 sehinggalah persaraannya pada tahun 1887. Sebelum ini, beliau pernah berkhidmat sebagai Gabenor Tasmania (1875-1879) dan Gabenor Australia Barat (1869-1874).

⁹ Sir Frank Athelstane Swettenham G.C.M.G. (1851-1946) telah dilantik menjadi Gabenor NNS dan Pesuruhjaya Tinggi NMB (1901-1904) memang terkenal sebagai salah seorang pegawai British yang amat berpengalaman di Tanah Melayu yang mula berkhidmat di Tanah Melayu sejak tahun 1870 lagi. Untuk keterangan tentangnya, boleh dirujuk dari Sadka, *The Protected Malay States*, hlm. 390-1.

Kenaikan Duti Ke Atas Candu

Selain daripada tindakan untuk menghapuskan sistem ini yang telah menjejaskan perjalanan perdagangan candu di Negeri-negeri Melayu, pihak kerajaan juga telah mengadakan dasar dan undang-undang yang membawa kesan yang sama. Salah satunya adalah dalam menaikkan duti yang dikenakan ke atas candu yang menyebabkan harga candu telah mengalami kenaikan. Ini dapat disaksikan menerusi Jadual I.

Jadual I
Duti yang Dikenakan ke atas Candu di Selangor, 1885-1909¹⁰

Tarikh	Harga per bola (\$)	Peratus kenaikan (%)
Disember 1885	7	
Januari 1893	8	14.3
Februari 1898	9	12.5
Julai 1898	11	18.2
Januari 1900	12	8.3
April 1903	14	16.7
Disember 1908	30	53.3
Disember 1909	40	33.3

¹⁰ Jadual ini adalah yang diubahsuai daripada Jadual XXIX: Opium Duties in Perak, Selangor and Negri Sembilan, 1896-1903, Wong Lin Ken, *The Malayan Tin Industry to 1914*, hlm. 193 dan 223, dan SSF 1043/1886.

Daripada Jadual I, dapat dilihat bahawa duti yang dikenakan ke atas candu di Selangor mula meningkat dengan agak mengejut mulai Julai 1898 apabila ia telah meningkat sebanyak \$2.00 sebola dalam tempoh lebih kurang lima bulan sahaja dan pada tahun 1908, kenaikan \$10.00 sebola dalam tempoh setahun jika dibanding dengan pola kenaikan sebelumnya.

Peningkatan harga candu sudah tentu akan mendatangkan kesan ke atas masa depan perdagangan candu di negeri Selangor, lebih-lebih lagi ia adalah sebuah negeri pengeluar bijih timah yang mana sebahagian besar daripada pengguna candu terdiri daripada golongan buruh di lombong. Kesan yang paling nyata dari kenaikan duti ini adalah kejatuhan dalam bilangan pengguna candu di kalangan buruh-buruh lombong antara tahun 1896 hingga tahun 1900. Kenaikan duti telah ditentang oleh pemilik lombong bijih timah kerana tindakan ini mengurangkan keuntungan yang biasanya diperolehi mereka semasa membekalkan candu kepada buruh-buruh mereka.¹¹

Penghapusan Sistem *Truck*

Selain daripada perubahan dari segi kenaikan duti candu, tindakan kerajaan yang lain boleh dilihat menerusi pembaharuan dalam bentuk undang-undang buruh

¹¹ Wong Lin Ken, *The Malayan Tin Industry*, hlm. 193-4.

barangan lain, para buruh tidak semestinya membeli barangan dari kedai di lombong serta pengharaman penjualan candu dan minuman keras di kedai tersebut.¹⁴

Isu tentang pengamalan sistem *Truck* pernah dibawa kepada kerajaan British di London oleh Residen Jeneral pada tempoh tersebut iaitu Sir W.T. Taylor yang menentang penggunaan sistem tersebut di Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan memohon agar sistem ini dihapuskan. Begitu juga dengan isu pembayaran upah kepada buruh-buruh di lombong bijih timah dengan *chandu*.¹⁵ Berikutan dengan itu, maka terhasilah satu laporan iaitu *Report on the Enquiry into the Payment of Kung Sze Kung and Nai Cheng Wages* oleh A.M. Pountney, Pemangku Protector of Chinese di Selangor dan Negeri Sembilan.¹⁶ Yang paling menarik di sini yang boleh dikesan adalah terdapatnya dua kumpulan di kalangan pentadbir yang mempunyai pendirian yang berbeza mengenai isu ini.

Kumpulan pertama adalah yang diwakili oleh Residen Jeneral iaitu Sir W.T. Taylor yang menentang hebat pengamalan sistem ini di Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang telah bertindak membawa isu ke London dan mendesak Pesuruhjaya

¹⁴ SGG, Vol. XIX, No. 7, 28 Februari 1908, hlm. 137-40.

¹⁵ Sec. State Elgin kepada HC FMS John Anderson, 9 November 1906, HCOF, 1515/1906.

¹⁶ "Report on Enquiry into the Payment of Kung Sze Kung & Nai Cheng Wages", 19 April 1907, HCOF, 1515/1906. Laporan ini telah memberi dengan jelas tentang sistem Kung Sze Kung dan Nai Cheng dan perlaksanaanya.

Tinggi Negeri-negeri Melayu Bersekutu untuk mengadakan undang-undang yang bertujuan untuk mengharamkan sama sekali penggunaan sistem ini.¹⁷

Kumpulan yang kedua pula terdiri daripada golongan pentadbir yang berpendapat bahawa langkah untuk menghapuskan sistem *Truck* di negeri-negeri Melayu adalah kurang wajar dilaksanakan; antara mereka yang berada dalam kumpulan tersebut adalah Residen Selangor iaitu H.C. Belfield dan Residen Negeri Sembilan pada masa tersebut. Kedua-duanya bersetuju bahawa kekeliruan dan kejahilan pihak pentadbir dan penduduk di London terhadap sistem yang diamalkan di negeri-negeri Melayu telah menyamakan sistem ini dengan sistem *Truck* yang pernah diamalkan di England. Menurut Residen Selangor, tidak akan ada cara yang lebih sesuai untuk menghapuskan sistem ini dalam industri perlombongan bijih timah dengan efektif kecuali dengan menamatkan penguasaan dan penglibatan orang Cina dalam industri ini.

Ini kerana kawasan-kawasan lombong di negeri-negeri Melayu biasanya terletak di kawasan yang terpencil dan jauh dari tempat tinggal atau pekan-pekan yang telah menyukarkan buruh-buruh ini keluar dari kawasan tersebut semata-mata untuk mendapatkan sendiri barangan keperluan mereka termasuk *chandu* sekiranya ia tidak disediakan oleh majikan mereka menerusi kedai mereka di kawasan lombong.

¹⁷ RG FMS W. T. Taylor kepada HC FMS John Anderson, 6 Mei 1907, HCOF, 1515/1906.

Selain daripada itu, buruh-buruh ini biasanya tidak mempunyai wang tunai yang memudahkan mereka untuk membeli daripada pekedai-pekedai biasa dan bukan semua pekedai yang sanggup memberi kemudahan kredit kepada buruh kecuali pemilik lombong itu. Beliau turut menekankan bahawa tindakan menghapuskan sistem ini turut akan mengganggu kelancaran industri tersebut dan sistem baru yang akan dijadikan alternatif juga berkemungkinan besar tidak akan berjaya kerana sikap buruh-buruh Cina itu sendiri yang tidak mudah menerima apa-apa bentuk perubahan dalam sistem yang wujud.¹⁸

Sistem Monopoli Kerajaan dalam Perdagangan Candu

Sistem pajakan hasilcandu telah hilang popularitinya bermula pada awal abad ke-20 di mana ia telah dihapuskan satu per satu bermula dengan Negeri-negeri Selat pada 31 Disember 1909; Selangor, Perak, Johor dan Perlis pada 31 Disember 1910; Labuan pada 31 Disember 1912, Kelantan pada 31 Mac 1913 dan Terengganu pada awal tahun 1917.¹⁹ Cadangan untuk menghapuskan sistem pajakan hasil candu ini dan diganti dengan satu sistem baru berbentuk monopoli oleh kerajaan telah

¹⁸ BR Selangor kepada RG FMS, 22 April 1907; BR Selangor kepada RG FMS, 26 April 1907 dan BR Negeri Sembilan kepada RG FMS, 8 Mac 1907, HCOF, 1515/1906.

¹⁹ V. Purcell, *The Chinese in Malaya*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1967, hlm. 189.

dalam *The Straits Settlements and Federated Malay States Anti-Opium Conference* di Ipoh pada Mac 1907.²⁰

Pada tahun yang sama, cadangan yang sama diketengahkan oleh satu jawatankuasa yang dibentuk pada tahun 1907 untuk mengkaji tentang penggunaan candu di Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Ini berakhir dengan satu laporan oleh jawatankuasa ini yang diterbitkan dalam tiga jilid pada tahun 1908 yang biasanya dikenali sebagai *Report of the Opium Commission 1908*.²¹ Selain itu, terdapat satu lagi enakmen yang telah digubal untuk menyempurnakan pelaksanaan monopoli oleh kerajaan dalam pengimportan dan penjualan candu di

²⁰ *Report of Proceeding of the Straits Settlements and Federated Malay States Anti-Opium Conference Held in Ipoh, 8th and 9th March 1907*, The Times of Malaya Press Ltd, 1907 dalam HCOF, 897/1907, hlm. 4.

²¹ *Ibid.*, hlm.185.

Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang diluluskan sebagai *The Opium and Chandu Enactment, 1910* berkuatkuasa mulai 1 Januari 1911.²²

Merujuk kepada cadangan yang diberikan oleh jawatankuasa ini berkenaan dengan penghapusan sistem pajakan hasil candu, mereka telah mengesyorkan pihak kerajaan mengambilalih keseluruhan perjalanan perdagangan candu daripada pengeluarannya sehinggalah ke tahap penjualan tetapi mereka menolak cadangan untuk mendaftarkan semua penghisap candu khususnya penghisap berbangsa Cina yang masih belum bersedia untuk langkah tersebut. Cadangan ini turut meletakkan penekanan kepada tempat dan orang yang tidak dibenarkan untuk menghisap candu.

Umumnya, perjalanan sistem ini boleh diterangkan sebagai perletakan segala urusan perdagangan candu yang bermula daripada pengimportan candu mentah sehinggalah penjualan *chandu* di bawah penyeliaan kerajaan, iaitu di bawah Jabatan Monopoli Kerajaan (*Government Monopolies Department*) yang berfungsi di peringkat Negeri-negeri Selat yang diketuai oleh seorang *Superintendent Government Monopolies* yang berpusat di Singapura²³ dan mempunyai cawangan-cawangan di peringkat negeri. Di peringkat negeri, jabatan ini dikenali sebagai Jabatan Monopoli

²² *Enactment No. 14 of 1910*, FMSGG, Vol. II, No. 48, 5 Disember 1910, hlm.1 dalam HCOF, 107/1911.

²³ *Proceedings of the Committee Appointed by His Excellency The Governor and High Commissioner to Inquire into Matters relating to the Use of Opium in British Malaya*, Singapore, Government Printing Office, 1924, hlm. A22. (Diringkaskan selepas ini sebagai *Proceedings of BMOC 1924*)

Chandu (Chandu Monopoly Department) dan bertempat di bangunan *Chinese Secretariat*.²⁴

Jabatan ini diketuai *Superintendent of Chandu* yang dilantik oleh Residen yang mempunyai kuasa yang luas dalam perdagangan candu di negerinya. *Superintendent of Chandu* dibantu oleh Pegawai-pegawai candu yang mentadbir urusan perdagangan candu di peringkat daerah, diberi kuasa untuk mengimport dan menjual *chandu*; menguruskan pembelian *chandu dross*; memberi lesen-lesen perniagaan *chandu* dan mengadakan pemeriksaan ke atas premis-premis perniagaan *chandu* bila-bila masa yang dirasakan perlu.²⁵ Sistem baru ini dilaksanakan di daerah pesisiran (*coast district*) sahaja pada tahun 1910 dan diperluaskan ke seluruh negeri pada tahun 1911.²⁶

²⁴ *Selangor Administration Report for the year 1911*, Kuala Lumpur, FMS Govt. Printing Office, 1912, HCOF, 931/1912, hlm. 10.

²⁵ *Enactment No. 14 of 1910*, hlm. 2-5.

²⁶ *Selangor Administration Report for the year 1911*, HCOF, 931/1912, hlm. 10.

Candu yang diimport oleh Negeri-negeri Selat akan diproses di Singapura sebelum dibungkus dan dieksport ke negeri-negeri Melayu di samping ada juga *chandu* dieksport ke Pulau Pinang dan Kuala Lumpur untuk dibungkus.²⁷ Di Kuala Lumpur, *chandu* telah dibungkus di bangunan *Chinese Secretariat* sementara menunggu bangunan baru jabatan ini siap dibina untuk kegunaan Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang.²⁸ Menerusi sistem monopoli kerajaan, candu bukan lagi diimport oleh pemajak candu, sebaliknya oleh *Superintendent of Government Monopolies* dan pihak yang mempunyai lesen khas seperti lesen gudang tetapi hanya terdapat satu lesen jenis ini sahaja yang bertempat di Negeri-negeri Selat.²⁹ Begitu juga keadaannya dengan pengimportan *chandu* yang hanya diberikan kepada *Superintendent of Chandu* di setiap negeri dan penjualan *chandu* dihadkan kepada orang yang diberi lesen untuk menjalankan perniagaan *chandu* sahaja. Mereka yang didapati bersalah dalam mengimport *chandu* yang lain daripada *chandu* kerajaan boleh didenda sehingga \$5000 atau dikenakan hukuman penjara tidak lebih daripada enam bulan.

Terdapat dua bentuk lesen perniagaan *chandu* di Negeri-negeri Melayu Bersekutu iaitu lesen untuk penjualan secara borong (*retail shops*) dan lesen

²⁷ "Memorandum from Supt. Govt. Monopolies, SS to the Colonial Secretary SS", 29 October 1919, HCOF, 1768/1919.

²⁸ *Selangor Administration Report for the year 1911*, HCOF, 931/1912, hlm. 10-11.

²⁹ "Memorandum from Supt. Govt. Monopolies, SS to the Colonial Secretary SS", 29 October 1919, HCOF, 1768/1919.

gabungan kedai menghisap *chandu* awam (*public smoking rooms*) dan penjualan secara borong.³⁰ Menerusi sistem ini, pelbagai sekatan dibuat ke atas premis-premis yang terlibat dalam perniagaan *chandu*. Misalnya dalam Fasal 14 dalam *The Opium and Chandu Enactment, 1910* meletakkan larangan seperti berikut:

“No person shall smoke *chandu* in any eating house, public lodging house, theatre, or other place of public resort, or in any club, or in any brothel, or in any jinrikisha depot, or in any other than a shop licensed for purpose under this Enactment; and no person having the control or management of any such place or shop shall permit the smoking of *chandu* therein.”³¹

Ini bermakna telah ada usaha yang dijalankan oleh kerajaan untuk mengurangkan bilangan kedai yang dibenarkan untuk terlibat dalam perniagaan *chandu* dan hanya *chandu* yang disertakan dengan logo kerajaan yang akan dibenarkan penjualannya.³²

Merujuk kepada operasi kedua-dua bentuk kedai tersebut, pemilik lesen kedai-kedai ini tidak dibenarkan untuk menjual *chandu* dengan harga yang mereka suka tetapi tertakluk kepada harga yang telah ditetapkan oleh jabatan tersebut. Misalnya, harga jualan *chandu* kepada pemilik-pemilik lesen sehingga tahun 1919

³⁰ *Selangor Administration Report for the year 1911*, HCOF, 931/1912, hlm. 10-11.

³¹ *Enactment No. 14 of 1910*, hlm. 4.

³² *Ibid.*, hlm. 3.

adalah \$10 setahil ³³ tetapi pemilik-pemilik lesen ini tidak dibenarkan menjual *chandu* dengan harga yang melebihi berikut:

Paket 3- <i>hoon chandu</i> :	\$0.33
Bekas dengan 3- <i>chi chandu</i> :	\$3.25
Bekas dengan 1 tahl <i>chandu</i> :	\$10.50 ³⁴

Dengan ini, keuntungan yang diperolehi oleh pemilik-pemilik lesen ini adalah bergantung kepada harga yang ditetapkan oleh kerajaan. Pemeriksaan ke atas premis-premis penjualan *chandu* dan rekod-rekod urusniaga mereka oleh pegawai-pegawai yang ditetapkan seperti *Superintendent of Chandu, Commissioner of Trade and Customs, the Secretary of Chinese Affairs, The Protector of Chinese*, pegawai-pegawai *chandu* dan pegawai polis yang berpangkat tidak kurang dari Sarjan akan diadakan dari semasa ke semasa.³⁵

Selain daripada larangan dari segi tempat-tempat penjualan *chandu*, terdapat juga larangan dari segi pemilikan dan penjualan *chandu*. Semua *chandu* yang digunakan haruslah merupakan *chandu* yang diproses oleh kerajaan di Singapura.

³³ Dalam penjualan *chandu*, ukuran yang berikut telah digunakan iaitu 1 tahl bersamaan dengan 10 *chi* dan 100 *hoon*.

³⁴ "Memorandum from the Supt. Govt. Monopolies SS to the Colonial Secretary SS", 29 October 1919, HCOF, 1768/1919.

³⁵ *Enactment No. 14 of 1910*, hlm. 4.

Pemilik lesen hanya dibenarkan menjual *chandu* kepada lelaki Cina yang berumur 21 tahun dan ke atas atau mereka yang mempunyai permit khas; kanak-kanak dan wanita dilarang sama sekali untuk memasuki premis perniagaan *chandu* kecuali isteri dan anak-anak pemilik lesen. Pemilik-pemilik lesen kedai menghisap *chandu* awam tidak dibenarkan menjual *chandu dross* kepada sesiapa kecuali *Superintendent of Chandu* dengan harga yang telah ditetapkan dan *chandu dross* yang dibeli oleh kerajaan ini akan dimusnahkan. Selain daripada itu, pemilik kedua-dua jenis lesen ini akan menghadapi hukuman dan denda jika mereka tidak mematuhi peraturan perniagaan yang telah ditetapkan dalam enakmen tersebut.

Seorang lagi pegawai British yang penting dalam menentukan kelicinan perjalanan sistem ini di dalam negeri adalah Residen British. Beliau bertanggungjawab kepada Residen Jeneral iaitu di atas arahan Residen Jeneral, beliau akan memastikan enakmen ini dikuatkuasakan, menentukan bentuk lesen yang dikeluarkan kepada peniaga-peniaga *chandu* dan sewa lesen tersebut, menetapkan harga *chandu* serta peraturan-peraturan yang melibatkan perniagaan *chandu*. Semua peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh Residen ini terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada Residen Jeneral dan ia biasanya dilaksanakan oleh *Superintendent of Chandu*.³⁶ Dalam pentadbiran sistem ini, satu ciri yang terpenting yang boleh disaksikan adalah dari segi penguatkuasaan undang-undang yang lebih ketat di mana

³⁶ *Ibid.*, hlm. 1 dan 6.

setiap kesalahan yang dilakukan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab akan dibicarakan di mahkamah oleh Majistret Kelas Pertama di samping pemeriksaan ke atas premis-premis perniagaan *chandu* pada bila-bila masa yang dirasakan perlu oleh pihak kerajaan dan pegawai-pegawai penguatkuasa seperti pegawai *chandu*, polis atau kastam boleh menahan sesiapa sahaja yang disyaki melanggar peraturan kerajaan dalam perniagaan *chandu* tanpa memerlukan waran.³⁷

Penilaian Kepada Kejayaan Sistem Monopoli Oleh Kerajaan di Selangor

Secara asasnya perlaksanaan sistem ini ada membawa perubahan dan kesan ke atas perdagangan candu di Selangor. Dari satu segi, ia menampakkan adanya usaha yang bersungguh-sungguh untuk menangani masalah penggunaan *chandu* yang diberi perhatian oleh dunia pada tempoh ini tetapi bukan semua langkah-langkah yang telah diambil menunjukkan prestasi yang memuaskan.

Salah satu kejayaan yang paling besar dalam perlaksanaan sistem ini adalah dari segi menghadkan bilangan kedai-kedai di mana *chandu* boleh dijual kepada dua jenis kedai sahaja iaitu kedai memborong *chandu* dan kedai menghisap *chandu* awam. Namun yang lebih membanggakan di sini adalah dari segi bilangan kedua-dua jenis kedai ini yang kian berkurangan akibat sekatan-sekatan yang dikenakan oleh

³⁷ *Ibid.*, hlm. 5.

kerajaan. Statistik yang menunjukkan adanya kejatuhan dari segi bilangan kedai-kedai yang disebutkan di Selangor adalah seperti dalam Jadual II.

Jadual II
Kedai-kedai Penjualan *Chandu* di Selangor, 1916-1923.³⁸

Tahun	Kedai Memborong <i>Chandu</i>	Kedai Menghisap <i>Chandu</i> Awam
1916	92	81
1917	85	73
1918	84	71
1919	85	71
1920	82	71
1921	55	64
1922	53	60
1923	44	54

Kerajaan menerusi sistem monopoli turut meneruskan dasar untuk menaikkan harga *chandu* untuk mengurangkan bilangan penghisap *chandu* tetapi berbeza dengan langkah yang baru disebutkan sebelum ini, langkah ini tidak menunjukkan prestasi yang diharapkan kerana kenaikan harga *chandu* tidak mengurangkan bilangan penghisap *chandu* tetapi sebaliknya menambahkan bilangan mereka yang mengambil

³⁸ Jadual ini adalah diubahsuai daripada jadual dalam "App. XXX: Shops for the Sale of Prepared Opium in the FMS", *Proceeding of the BMOc 1924*, Vol. I, hlm. B39.

chandu dross. Kenaikan harga *chandu* di Negeri-negeri Melayu Bersekutu sejak pengenalan sistem ini adalah seperti di bawah ini:

Jadual III
Harga Penjualan Chandu oleh Kerajaan dan Harga Penjualan *Chandu* Secara Borong
Di Negeri-negeri Melayu Bersekutu, 1910-1919.³⁹

Tarikh	Harga Jualan Kerajaan Per tahl (\$)	Harga Borong Per tahl (Pots) (\$)	Harga Borong Per Tahl (Packets) (\$)
1910	4.20	4.50	4.50
11 Mei 1912	5.00	5.50	5.50
22 Februari 1913	6.00	6.50	6.66 2/3
29 April 1916	8.00	8.50	8.66 2/3
23 November 1916	10.00	10.83 1/3	11.00
28 Oktober 1919	12.16 2/3 (pots) 12.33 1/3 (packets)	13.00	13.33 1/3

Menyedari kesan negatif yang akan diperolehi akibat daripada kenaikan harga *chandu* secara berterusan, pihak *British Malaya Opium Committee* pada tahun 1924 telah mendesak kerajaan untuk menghentikan kenaikan harga yang dikenakan ke atas *chandu* dan mengekalkannya pada harga \$12.00 per tahl.⁴⁰

Selain daripada usaha untuk menangani masalah penggunaan *chandu*, sistem ini dijalankan juga dengan tujuan untuk menangani masalah penipuan yang berlaku

³⁹ Jadual ini telah diubahsuai daripada jadual dalam "App. XV: Past and Present Prices of Prepared Opium", *Ibid.*, hlm. B15.

⁴⁰ *Ibid.*, hlm. A33.

dalam perniagaan komoditi ini yang boleh menjejaskan ekonomi kerajaan. Sebaik sahaja sistem ini dikuatkuasakan, berbagai-bagai sekatan telah dijalankan untuk menghadapi segala percubaan penipuan di samping untuk menghapuskan bentuk-bentuk penipuan yang sedia ada. Sebenarnya, fenomena penipuan bukanlah suatu gejala baru yang wujud dalam perniagaan *chandu*, tetapi ia sentiasa wujud dan berubah bentuknya mengikut kehendak dan perkembangan semasa.

Salah satu bentuk penipuan yang mendapat perhatian kerajaan pada tempoh ini adalah dari segi mengeluarkan sebahagian daripada *chandu* kerajaan yang telah dibungkuskan dan meninggalkan kuantiti *chandu* dalam bungkusan tersebut kurang daripada yang sepatutnya, memasukkan *chandu* kerajaan dan *chandu* yang diseludup dalam bungkusan *chandu* kerajaan yang dijual, menjual *chandu* yang diseludup dalam bungkusan yang mempunyai logo kerajaan yang dipalsukan ataupun dari segi mencampurkan *chandu* kerajaan dengan bahan-bahan lain sebelum dijual kepada penghisap *chandu*. Larangan ke atas perbuatan ini sebenarnya terdapat dalam *The Opium and Chandu Enactment, 1910* iaitu dalam Fasal 6 di mana mereka yang didapati bersalah boleh dikenakan denda sehingga \$5000 ataupun hukuman penjara 12 bulan atau kedua-duanya sekali.⁴¹

⁴¹ *Enactment No. 14 of 1910*, hlm. 2.

Laporan *British Malaya Opium Committee* tahun 1924 telah mencadangkan pembaharuan dalam kaedah pembungkusan *chandu* oleh kerajaan seperti dengan pembungkus yang tidak mudah pecah atau rosak semasa dalam perjalanan ke negeri-negeri yang mengimport, pembungkusan dalam bentuk satu paket untuk kegunaan sekali sahaja dan kemungkinan untuk menggantikan paket *chandu 3-hoon* dengan paket *2-hoon* untuk mengelakkan percubaan untuk memasukkan *chandu* yang diseludup dalam *chandu* kerajaan yang telah dibungkus.⁴²

Kerajaan British nampaknya mula mengubah dasar mereka terhadap perdagangan candu mulai abad ke-20. Sebab utama yang paling jelas adalah atas keinginan mereka untuk mengubah struktur ekonomi yang wujud di negeri-negeri Melayu termasuk negeri Selangor dan suasana politik antarabangsa yang memberi perhatian serius terhadap penyalahgunaan dan perdagangan candu dalam persidangan seperti yang diadakan di *The Hague* pada tahun 1912. Namun begitu, pihak kerajaan juga sedar bahawa perubahan dasar yang harus dilaksanakan oleh mereka tidak seharusnya berjalan secara tergesa-gesa atau drastik; sebaliknya perlu menerusi pelbagai peringkat.

⁴² *Proceedings of BMOC1924*, Vol. I, hlm. A35.